

23/04/2003

AWSJ tidak patut salah siar gambar Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Pejabat Perdana Menteri kecewa dengan Asian Wall Street Journal (AWSJ) kerana mengetepikan ciri-ciri ketepatan selepas salah menyiarkan gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam edisinya, kelmarin.

"Pejabat ini terima penjelasan AWSJ. Namun, kami berpendapat wajar bagi kami untuk menyatakan rasa tidak senang kami," kata Datuk Badariah Arshad, Ketua Setiausaha Sulit Dr Mahathir, dalam sepucuk surat kepada Pengarang Serantau AWSJ, Reginald Chua, di Hong Kong.

AWSJ semalam membuat pembedaan berhubung kesilapan gambar itu yang disiarkan bersama satu rencana mengenai keputusan mahkamah mengekalkan sabitan kesalahan dan hukuman terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kes liwat.

Badariah berkata, kesilapan itu tidak seharusnya dilakukan oleh AWSJ yang mendakwa ia adalah satu daripada penerbitan serantau yang utama di Asia.

Katanya, kegagalan memberi tumpuan kepada butiran tidak seharusnya berlaku, lebih-lebih lagi kerana ini bukan pertama kali kesilapan yang begitu ketara dibuat mengenai Malaysia.

"Anda (AWSJ) pasti ingat bahawa tidak sampai enam bulan lepas, anda telah menyiarkan gambar bendera Malaysia bagi mengiringi satu berita mengenai Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri.

"Walaupun pejabat ini ingin mempercayai anda mungkin tidak sengaja, namun adalah tidak menyenangkan melihat AWSJ terus melakukan kesilapan yang ketara seperti ini apabila membabitkan laporan mengenai Malaysia," kata Badariah kepada Bernama.

Pejabat Perdana Menteri berharap AWSJ tidak mempunyai sebarang niat buruk, katanya.